

C. Pilih jawapan yang sesuai.

1. Industri kraf tangan perlu dimaju bagi menghasilkan pelbagai barangan yang mampu bersaing di pasaran antarabangsa.
A dimajukan bagi menghasilkan pelbagai-bagai
B dimaju untuk menghasilkan berbagai-bbagai
C dimajukan untuk menghasilkan perbagai
D dimaju bagi menghasilkan pelbagai
2. Bermacam-macam kemudahan prasarana menyediakan kerajaan bagi memajukan negara.
A kerajaan sediakan
B disedia oleh kerajaan
C disediakan kerajaan
D menyediakan kerajaan
3. Sebagai pengawas sekolah, beliau tidak pernah abaikan tugas yang diamanahkan.
A tidak pernah beliau mengabaikan
B dia tidak pernah mengabaikan
C tidak pernah beliau abaikan
D beliau tidak pernah abaikan
4. Datuk selalu menceritakan tentang pengalamannya hidup di zaman pendudukan Jepun.
A menceritakan pengalamannya hidup pada zaman pendudukan
B bercerita tentang pengalamannya hidup pada zaman pendudukan
C menceritakan tentang pengalaman hidupnya pada zaman pendudukan
D menceritakan tentang pengalamannya hidup di zaman pendudukan
5. Setelah menjalani latihan pusat selama dua setengah minggu, para atlet berasa yakin akan keupayaan diri masing-masing.
A berjalan latihan pusat selama dua minggu setengah
B menjalankan pusat latihan selama dua minggu setengah
C menjalani latihan pusat selama dua minggu setengah
D menjalani latihan pusat selama dua setengah minggu

6. Mangsa-mangsa kemalangan tanah runtuh dikejarkan dengan segera ke hospital.
- A dikejarkan ke hospital dengan segera
 - B dikejar dengan segera ke hospital
 - C dikejarkan segera ke hospital
 - D dikejarkan dengan segera ke hospital
7. Emak menghidangi tetamu dengan goreng pisang dan kopi panas.
- A menghidangkan tetamu dengan pisang goreng
 - B menghidangi tetamu dengan pisang goreng
 - C menghidangkan tetamu dengan goreng pisang
 - D menghidangi tetamu dengan goreng pisang
8. Beberapa pintu rumah kedai berjaya anggota bomba padam dalam kebakaran tadi.
- A rumah kedai berjaya dipadam anggota bomba
 - B kedai rumah berjaya dipadam anggota bomba
 - C rumah kedai anggota bomba berjaya padam
 - D rumah kedai berjaya anggota bomba padam
9. Senarai nama-nama murid saya sudah pameran di papan kenyataan sekolah.
- A nama murid saya sudah pameran
 - B nama-nama murid sudah saya pameran
 - C nama murid sudah saya pameran
 - D nama-nama murid saya sudah pameran
10. Kerja-kerja memperlebar lebuhraya sedang giat dilakukan bagi mengatasi masalah kesesakan.
- A memperlebar lebuh raya
 - B pelebaran lebuh raya
 - C memperlebarkan lebuh raya
 - D memperlebar lebuhraya

D. Pilih ayat atau ayat-ayat yang betul.

1. I Setiap orang murid wajib mengambil bahagian dalam aktiviti kokurikulum.
II Rumah baharunya memang terletak berhampiran jalan kereta api.
III Saya duduk di bawah pokok sambil memperhatikan gelagat pengemis itu.
IV Berita sedih itu walaupun pahit, namun diterimanya dengan hati yang tabah.
- A IV sahaja B I dan II C II, III dan IV D I, II, III dan IV
2. I Dia belajar dengan tekunnya bagi memastikan kejayaan menjadi miliknya.
II Emak membekalkan kepada saya sebungkus nasi lemak dan sebotol air mineral.
III Ayah memarkir kereta itu di tepi jalan raya lalu berbual-bual dengan ketua kampung.
IV Kakak menghadihkan anak kucing itu kepada kawannya yang suka akan binatang.
- A I dan II B III dan IV C I, II dan III D II, III dan IV

3. I Kami benar-benar terpesona oleh keindahan pantai di perkampungan nelayan itu.
II Saya akan mengesyorkan perkara itu dalam mesyuarat persatuan penduduk nanti.
III Beratus-ratus ekor lembu akan dikorbankan semasa Hari Raya Haji di daerah ini.
IV Saya tidak begitu mempercayai kata-katanya lagi sejak dari saya ditipu olehnya.
A I dan II B III dan IV C I, II dan III D II, III dan IV
4. I Perlaksanaan undang-undang dapat membendung gejala sosial dalam kalangan remaja.
II Selepas bersarapan pagi, ayah ke kebun sawitnya yang terletak tidak jauh dari rumah kami.
III Pelihatan nenek sudah pulih setelah menjalani pembedahan pada minggu lalu.
IV Perhijrahan Nabi ke Madinah disambut dengan meriahnya oleh penduduk di sana.
A I dan II B III dan IV C I, II dan III D II, III dan IV
5. I Akan saya mencadangkan kamu sebagai ketua kampung kita ini.
II Penjenayah itu dijangka akan dijatuhi hukuman yang berat oleh mahkamah.
III Saya terlupa untuk mengunci pintu pagar kerana agak tergesa-gesa pagi ini.
IV Saya hendak ke klinik gigi kerana ada temu janji dengan doktor pada jam dua petang.
A I dan II B II dan III C III dan IV D II, III dan IV